

# Perlu pemandu pelancong bertauliah

► Untuk majukan industri pelancongan Labuan

**LABUAN:** Seramai 28 orang menyertai kursus pemandu pelancong alam semulajadi setempat tahap dua yang telah diadakan selama 16 hari di wilayah ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Rashid Hasbullah berkata kursus itu bertujuan memenuhi keperluan semasa bagi melahirkan pemandu pelancong yang bertauliah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya pada masa ini, hanya terdapat dua pemandu pelancong alam semulajadi setempat (lencana hijau) dan seorang pemandu pelancong bandar (lencana biru).

Bilangan itu tidak mencukupi memandangkan peningkatan pelancong asing ke Labuan yang menggalakkan pada tahun ini, terutamanya dari China.

"Industri pelancongan mempunyai masa depan yang kukuh di Labuan dan pemandu pelancong berlesen boleh dijadikan satu kerjaya," katanya.

Majlis itu diadakan untuk meraikan bakal pemandu pelancong yang telah menamatkan sejumlah 180 jam kredit kursus.

Antara modul wajib yang diikuti oleh peserta kursus termasuklah tanggungjawab dan peranan pemandu pelancong sebelum, semasa dan

selepas menerima pelancong, pengetahuan kecemasan, pengetahuan tentang flora dan fauna tempatan dan pengetahuan keselamatan semasa menjalankan aktiviti air, jungle trekking dan perkhemahan.

Peserta turut mengikuti Program Eco-Host yang dianjurkan oleh pihak kementerian dan modul tambahan bagi memperbaiki penyampaian pemanduan di lapangan, di mana kursus itu diakhiri dengan peperiksaan yang dianjurkan oleh pihak kementerian iaitu peperiksaan bertulis dan praktikal.

Rashid berkata pihak kementerian telah memperuntukkan RM75,000



**RASHIDI (tujuh kanan), Rozman (tujuh kiri), Vinson (lima kanan) dan Mahathir (empat kiri) bersama dengan peserta kursus pemandu pelancong.**

bagi membiayai sebahagian kos penganjuran kursus itu.

Berdasarkan statistik, jumlah ketibaan pelancong sehingga November 2016 ke Labuan ialah seramai 73,033

orang dari luar negara dan pelancong tempatan seramai 827,182 orang.

Manakala, 23 agensi pelancongan telah berdaftar dengan pihak Pejabat

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) Labuan.

Turut hadir pada majlis penutupan itu ialah Ahli Parlimen Labuan Datuk

Rozman Isli, Pengarah MOTAC Labuan Vinson Embarandan, Pengarah Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Perbadanan Labuan Mahathir Abdul Hamid.